

# BN: PBS kemuka permohonan rasmi

UM 16 NOV 2001

Oleh JOHARDY IBRAHIM  
dan AKMAR HISHAM MOKHLES

**P**UTRAJAYA 15 Nov. - Parti Bersatu Sabah (PBS) hari ini mengemukakan secara rasmi permohonan untuk menyertai semula Barisan Nasional (BN) kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Presiden PBS, Datuk Seri Pairin Kitingan berkata, surat permohonan rasmi PBS itu yang diserahkan semasa pertemuannya dengan Perdana Menteri tidak meletakkan sebarang syarat.

Katanya, pada pertemuan itu, beliau turut menyatakan kekesalan kepada Perdana Menteri atas tindakannya membawa parti itu keluar dari BN pada pilihan raya 1990.

"Saya sampaikan rasa kekesalan kepada Perdana Menteri terhadap apa yang telah berlaku pada 1990.

"Perdana Menteri menyatakan beliau bersedia memaafkan PBS dalam isu tersebut dan ini amat saya hargai.

"Kita juga mahu melupakan peristiwa yang lalu dan memulakan kehidupan baru," katanya kepada pemberita selepas pertemuan itu di pejabat Perdana Menteri di sini, hari ini.

Beliau yang diiringi Timbalan Presiden parti, Dr. Maximus Johnity Ongkili mengadakan pertemuan dengan Dr. Mahathir selaku Pengerusi BN selama kira-kira 40 minit, petang ini.

Sebelum itu, mereka berdua bersama 13 ahli Majlis Tertinggi PBS yang lain mengadakan kunjungan hormat kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Majlis Tertinggi PBS malam Selasa lalu mencapai persetujuan untuk menyertai semula BN selepas 11 tahun meninggalkannya.

Langkah itu dibuat setelah mengambil kira pandangan perwakilan semasa Kongres PBS ke-16 di Penampang, Sabah.

PBS keluar BN beberapa hari sebelum pilihan raya umum Oktober 1990 kerana condong kepada Parti Melayu Semangat 46 (S46) yang diketuai oleh Tengku Razaleigh Hamzah ketika itu.

PBS berjaya membentuk kerajaan di Sabah selama sepenggal.

Menurut Pairin, alasan PBS menyertai semula BN ialah untuk sama-sama menyumbang usaha dan tenaga bagi membina negara ini serta untuk mencapai matlamat Wawasan 2020.

"Seperti yang saya katakan sebelum ini tujuan kita menyertai BN adalah untuk menyumbang usaha dan tenaga bagi membangunkan negara bersama-sama.

"Selain itu, kita berhasrat untuk membina perpaduan yang akan mewujudkan persefahaman yang lebih baik antara satu sama lain dan mencapai objektif Wawasan 2020," katanya.

Pairin berkata, Perdana Menteri turut menekankan kepada PBS mengenai pentingnya bekeja bersama-sama.

Mengenai surat permohonan menyertai semula BN itu, beliau berkata, pihaknya difahamkan ia akan dibentangkan dalam mesyuarat parti-parti komponen BN.

Ditanya apakah beliau yakin parti-parti komponen BN di Sabah akan menerima PBS, Pairin berkata, "saya harap begitulah".

"Tentu sekali kita mengharapkan permohonan ini diterima dengan baik kerana kita ingin memperbaiki keadaan di Sabah dan mengulurkan kerjasama dari semua aspek untuk kemajuan dan pembangunan negara kita," katanya.

Perdana Menteri sendiri pun, jelas beliau, telah meminta semua rakyat bersatu padu untuk membangunkan negara dan mengambil kira banyak perubahan yang berlaku

sekarang akibat serangan di Amerika Syarikat.

"Jadi ini telah menggoncang ekonomi negara di seluruh dunia. Tentu sekali kita mahu menyahut seruan patriotisme itu dan sedia membantu. Lalu kita sampaikan permohonan PBS ini," katanya.

Ditanya syarat yang ditetapkan oleh sayap Pemuda PBS, Pairin berkata, keputusan muktamad ialah daripada Majlis Tertinggi PBS dan Pemuda menerima keputusannya.